

PELAJARAN, PENDIDIKAN KHAS dan LATIHAN

Oleh

Haji Dzulkiflee bin Haji Abd Latif

Pendahuluan

Pengislaman Awang Alak Betatar menjadikan Brunei lebih dikenal sebagai sebuah Empayar Melayu di Nusantara ini dalam kurun ke-14 dan dengan bertambahnya 5 hadiah negari Melayu Sarawak, di mana pada hemat Dato Sanib Said^{1>} sebagai 'Melayu Sarawak, Sejarah Yang Hilang'. Dengannya Negara Brunei terus meluas dan takluk jajahannya sampai kepada beberapa buah negeri di Kalimantan Utara; seperti Sambas dan Balambangan dan kepada kepulauan Filipina.

Agama (Islam) adalah merupakan salah satu tenaga dan kekuatan politik yang membawa Brunei Darussalam dikenali dan menjadi sebuah empayar Melayu selepas Melaka. Islam berkembang pesat bermula dari pemerintahan Sultan Syarif Ali seorang berbangsa Arab dan pancir Rasulullah SAW dari Saidina Hassan, (lihat 'Tersilah Bruneio, Sejarah Awal dan Perkembangan Islam' oleh Pehin Orang Kaya Amar DiRaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Muhammad Jamil Al-Sufri, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1990, Sultan Sharif Ali). Pengislaman dan dakwah Islamiah terus berlaku dan berkembang di zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali dan diteruskan oleh anak-anaknya yang gagah perkasa iaitu seperti; Sultan Sulaiman dan Sultan Bolkiah. Sultan Syarif Ali dan anak-anaknya mengembangkan Islam adalah selaras dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazab Syafie dengn slogan Melayu Islam Beraja (MIB)

Negara Brunei di bawah pimpinan sultan-sultannya sejak dari Sultan Muhammad Syah kepada Sultan Muhammad Hassan (1582 - 1598) adalah ketentuan zaman kegemilangan Brunei. Hanya setelah itu terdapat beberapa masalah politik dan kekeluaragaan dalam '**kekacauan astana**' ditafsirkan sebagai kearah kemunduran Kerajaan Brunei Darussalam dan terus ketahap kritikal apabila James Brooke memasuki 'kekacauan astana' itu dengan 'expansionist designs' kepada 'gunboat diplomacy' (Ranjit Singh, 1984, hal.59) - maka kesannya Brunei hanya tinggal dari 212.96 ribu kilometer persegi kepada hanya 5,765 ribu kilometer persegi. (Dr.Haji Zaini Haji Ahmad, 2003, hal.128)

Dengan bertawakal dan berpegang teguh kepada aqidah Islam, hal dan perilaku James Brooke mengikis hak dan tanah Brunei di Borneo itu terus ditangani oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Abdul Momin dan Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddim dalam politik Melayu Islam Beraja. Ketahanan Raja-Raja Brunei berMIB ini membawa mereka menerima saranan McArthur supaya Brunei menerima 'Sistem Resident British' secara pernaungan.

Sultan Hashim Jalilul Aqamadim menyedari akan hakikat apa yang akan terjadi kepada Negara Brunei Darussalam dari kerakusan Regim Brooke yang tidak berbilang lawan dan angkuh dengan beralatkan sifat kelanunnya dengan merompak, melanun daerah dan tanah jajahan Brunei dengan; **expansionist designsnya**: dari *'gunboat diplomacy'*, kepada subversion of Brunei authority, withholding of cession monies, financial inducement, dan negotiations.

Kebencian dan cintakan bangsa dan Negara baginda, Sultan Hashim semakin kuat dengan wujudnya sumpah Sultan Abdul Mumin dengan **'Amanah 1885'**. Sukut MIB (Melayu Islkam Beraja) dengan konsep dan falsafahnya dan keyakinan kepada kejujuran M.S.H. McArthur, Sultan Hashim mahu menerima tawaran Sistem Residen Inggeris 1906 demi mengekalkan kedaulatan Brunei sehingga pengambilan semulanya pada tahun 1984.

Atas Perjanjian 1905-1906 dengan berasaskan kepada Perjanjian 1888, pelaksanaan Brunei Bukan Tanah Jajahan kekal sehingga hari ini dengan perubahan dari pentadbiran tradisional kepada modern mulai 1906 di bawah pimpinan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddim, kepada Sultan Muhammad Jamalul 'Alam II dan kepada kedua cucu baginda; Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar 'Ali Saifuddin III. Ketiga Sultan ini menokohi nasionalisme Brunei. Ianya lebih diterajui oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddin III dan anaknda baginda, Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Perjuangan kedua Raja Brunei ini, Brunei kekal merdeka dan akan kekal merdeka selamanya pada berpegang Melayu Islam Beraja.

Dengan kehendak 'Sultan Hashim Jalilu 'Alam Aqamaddim' mahu menyelamatkan Brunei dari dirakus oleh James Brooke, bagindalah memulakan perubahan system pemerintahan Melayu Tradisional kepada pemerintahan Melayu Moden atau Demokrasi. Perubahan ini membawa baginda mahu menerima pemodenan dengan mengikuti perubahan politik, sosial dan ekonomi Barat.

Kea rah Pendidikan Formal

Tanpa disedari tanah jajahan Brunei di Sabah dan Sarawak telah terlebih dahulu berubah kearah pemodenan pendidikan dari tidak formal kepada formal. Persekolahan formal di Sarawak telah dimulakan sejak tahun 1880an. Begitu juga dengan Sabah. Ini memberi pengertian bahawa Brunei Darussalam terasing dan mengasingkan diri dari hubungan dan politik dengan dunia luar atau orang Barat kerana wujudnya 'api dalam sekam' atau terdapatnya satu kebencian kepada penjajah barat (nasionalisme)

Ini tidak lepas pada mengatakan bahawa Pegangan Brunei Darussalam kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jemaah dan mazab Syafie itu amat kental. Tetapi ini bukan bererti fanatik. Tetapi satu kebencian (nasionalisme). Juga kebencian itu tidak dapat dibencikan selarah-larahnya (sesuka hati tanpa fikir (MIB)) Kebanyakan orang Brunei lebih berwaspada dengan orang asing.

Sedar kepada 'sayangkan Negara dari tergadai'. Contohnya, Pengiran Bendahara Sakam, Pengiran Shahbandar Pengiran Muhammad Salleh, Sultan Omar 'Ali Saifuddin II', Sultan Abdul Momin, Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddim, Sultan Muhsammad Jamalul 'Alam, Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Omar 'Ali Saifuddin III dan sekarang Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzuddin Waddaulah. Mungkin juga ini pegangan sumpah "Amanat 1885" yang masih hidup di jiwa Beunei MIB.

Pendidikan Tidak Formal

Dalam konteks ini, dalam konsep MIB bertepatan dengan maksud tulisan Prof. Madya Haji Awang Asbol bin Awang Mail:-

“..Matlamat utama sistem pendidikan ini untuk membentuk umat manusia yang beriman kepada Allah agar kehidupan mereka berbahagia di dunia dan di akhirat.” (Haji Awang Asbol, 2006, hal.17)

Istilah 'buta huruf' sejak perkembangan Islam tidak berlaku secara total di Brunei Darussalam iaitu sejak Sultan Syarif Ali. Hal ini tidaklah berlaku sebesar 100% kepada penduduk Brunei Darussalam dewasa itu. Ini menepati kata Sabihah Osman¹⁾ yang bermaksud hampir kesemua Negara Melayu (Islam) di Nusantara ini bukan buta tuli dalam membaca dan menulis. Kerana mereka telah diajar dengan perkara ini sebelum kemasukan orang barat ke Asia Tenggara ini. Peristiwa-peristiwa pembelajaran ini berlaku hampir sama dan serentak masa dan waktunya dari pergerakan para mubaligh Arab, Farsi atau India. Di Brunei Darussalam peristiwa dan waktu keemasan ini dipelopori oleh Sultan Syarif Ali. Dan perkembangannya disebarluaskan dengan kewujudan ulama-ulama Alam Melayu seperti Dato Imam Yakub (Sulawesi) dan Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif (Banjarmasin), dan lain-lain lagi. (Evolusi dan Transformasi, ibid,hal. 4 dan 5) Maka istilah tidak pandai menulis membaca itu tidak ada, malah perkembangan pembelajaran Islam melalui pembacaan Al-Quraan ini dari ulama-ulama dan para guru agama dan Al-Quraan telah memudah senangkan lagi proses pembelajaran barat kemudiannya itu kepada pembelajaran formal di zaman kolonialisme adab ke-19 itu²⁾.

Kesannya evolusi pelajaran agama meluas dari penempatan punduk dan rumah menjadi membesar kepenempatan 'balai' bagi menampung pelajar yang kian bertambah. Evolusi ini berlaku dan dilakukan bersama para ulama dan guru dan pelajar dalam tahun 1930an seperti; Tuan Imam Abdul Rahman bin Awang Mat Serudin (1872 - 1945) di Bukit Salat dengan penuntutnya Awangku Mohammad Yusuf bin Pengiran Abdul Rashim, Awang Abdul Hamid bin

¹⁾ Lihat Bab 2, Perkembangan Sekolah Melayu di bSarawak, Sabihah Osman, Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841 - 1941, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

²⁾ Hukum Kanun Brunei adalah tulisan anak Brunei ini menandakan bahawa kebolehdan menujlis membaca itu sudah ada selepas Sultan Syarif Ali.

Bakal, di kampung masing-masing³⁾. Mereka belajar Al-Quraan dan zikir. Pelajar-pelajar luar negeri juga terkandung seperti dari Sabah dan Sarawak. (Ibid, hal.7).

Asuhan kemasyarakatan dalam pendidikan Islam ini berterusan kepada aktiviti bertadarus dan bertahlil, biasanya berlaku di tiap-tiap bulan Syahban. Kesan seterusnya pendidikan tidak formal ini dapat melahirkan pegawai-pegawai pentadbir tradisional diperingkat 'wazir' seperti Pengiran Digadong Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad dan kemudiannya menjawat jawatan Kadi Besar.

Kegiatan Pendidikan Tidak Formal

Pendidikan tidak formal dalam agama ini, hanya bergerak kepada kaum lelaki sahaja. Kaum perempuan menerima tegahan kerana keraguan ibu bapa didalam pergaulan bersama kaum lelaki. Namun di tahun-tahun 1930an ini munculkan beberapa orang guru-guru wanita yang mengajar kanak-kanak perempuan belajar mengaji Al-Quraan. Mereka itu adalah seperti Pengiran Rokam beraktiviti di Kampong Kianggeh, Dayang Hamidah di Kampong Burong Pingai dan Kampong Lurong Dalam dan Dayang Fatimah guru di Kampong Saba. (ibid, hal.9)

Kegiatan pelajaran tidak formal ini lebih berjaya dilaku dikampong-kampong air. Tetapi pembelaan ini semakin mengalami kemerosotan kerana tidak ada jenerasi penerusnya. Tetapi bergerak semula secara pendidikan formal agama dalam tahun 1956.

1906, Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddim mengasaskan pemodenan Brunei Darussalam dengan membuat perlindungan politik secara 'beresiden Inggeris' dengan syarat yang diminta oleh Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddim sendiri bahawa: "Brunei adalah masih sebagai Negara Yang Berdaulat dan Merdeka" selama masih di dalam perjanjian beresiden ini. (lihat isi perjanjian):-

"The State of Bruneio shall continue to be governed and administrated by the said Sultan Hashim Jalilul Alam Akamadin and his succescors as an independent State..." (Rangit Singh, 1984, hal.233)

"Whereas His Highness Sultan Hashim Jalilul Alam Ahamaldin son of His late Sultan Omar Ali Saifu-al-din, Ruler of the State of Brunei and all its dependencies, is decirous of being fully protected by the British Government..." (ibid, hal., 236)

Pendidikan Awal 1906

Sekalipun Brunei masih dalam keadaan ekonomi merosot atau dalam sebutan 'miskin' (lihat Laporan M.S.H. MacArthor, hal.29) iaitu kesan dari keganasan dan rompakan Regim Brooke,

³⁾ Lihat Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, 1992, hasl. 174, "...sudah mempunyai jurutulis"

namun dari tahun 1906 kepada 1927, Brunei atas kekuatan kehendak keinginan mengekalkan Negara MIB, mahu bangun 'berdiri sama tinggi' dengan negeri-negeri dipersekitarannya, maka persekolahan formal⁴⁾ dimulai dalam tahun 1914 oleh pemerintahan beraja Sultan Muhammasd Jamalul 'Alam iaitu setelah mendasarkan pemerintahan Brunei Darussalam kepada pemerintahan dan penatadbiran moden.

Pelajaran Formal:

1914, Sekolah Melayu⁵⁾ pertama ditubuhkan di Jalan Pemancha di Bandar Brunei. Baagaimanapun sekolah hanya ditempatkan di bangunan Masjid di Bandar Brunei. Tidak syak lagi dengan langkah ini adalah diharapkan akan anak-anak Brunei yang berpelajaran itu nanti akan dapat terus membangun sosio-politik dan ekonomi⁶⁾ Brunei Darussalan. Keramaian yang didaftarkan adalah 30 orang anak-anak lelaki yang menghadirinya. Guru pertamanya adalah orang Brunei sendiri lepasan dari sekolah Labuan iaitu Awang Mujitaba bin Abdul Mokti, berasal dari Kampong Burung Pinggai Ayer (Ibid, hal.16)

Dasar pemberian pelajaran di tahun 1914 ini tidak statik tetapi menerima perubahan seperti yang berlaku di persekolah Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu, termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk menegatasi permasalahan kanak-kanak tidak menghadiri persekolahan formal maka kerajaan telah mengeluarkan peraturan (The Attendance Enactment 1929) yang mewajibkan kanak-kanak berumur 7 ke 14 tahun bmenghadiri persekolahan. Dan dalama tahun 1931 pelajaran agama dimasukkasebagai mata pelajaran di sekolah Melayu.

Dalam jangka 10 tahun dari 1914 baru terdapat 4 buah sekolah sahaja di Brunei Darussalam. Dan menjelang Perang Dunia Kedua perkembangan sekolah meningkat kepada 24 buah iaitu masing-masing; 7 buah di Daerah Brunei Muara, 10 buah di Tutong, 5 buah di Belait dan 2 buah di Temburong. Kesemuanya berkeramaian 1,746 orang dengan 312 orang pelajar perempuan. Bagaimanapun dalam bulan Julai 1930 telah dirikan sekolah perempuan dengan keramaian 24 orang di Brunei.

Sekolah Cina

⁴⁾ Lihat, hal.4, Evolusi Dan Transformasi Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914 - 2014.

⁵⁾ Untuk mengadakan sekolah Melayu ini memang sudah wujud sejak tahun 1908. Tetapi terbantut kerana kurang sambutan.

⁶⁾ Bagaimanapun tujuan asas pemberian pelajaran ini adalah sekadar pembentukan disiplin, menjaga masa dan kebersihan.

Sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja dari Ahli Sunnah Wal Jamaah, Mazab Syafie, dasar pemedulian Islam terhadap masyarakat negerinya, orang-orang Cina di Negara Brunei Darussalam ini juga mendapat keistimewaan yang sama dalam semua sektor kerajaan iaitu memberikan kebenaran mereka berpelajaran mengikut kehendak mereka dengan keadaan yang aman dan menguntungkan sendiri Negara ini dalam bidang sosial dan ekonomi. Maka dalam tahun 1916 sekolah Cina telah dibuka dengan keramaian 16 orang. Bagi mengawal keselamatan dalam negeri, kerajaan telah mendaftarkan sekolah Cina itu dengan memberi bantuan kewangan demi menghindarkan pengaruh Cina masuk ke Negara ini.

Sekolah Inggeris

Masalah yang dihadapi bagi mendirikan sekolah Inggeris di Brunei terlalu banyak, terutama pandangan orang-orang Melayu itu sendiri terhadap pendidikan Inggeris itu dan pengendaliannya kerana diatursusun oleh padri Kristian. Mungkin juga banyak mengait kepada polisi Inggeris sendiri dari dasar tanah jajahan iaitu pelajaran itu hanyalah diberikan sekadar untuk memberi keperluan hidup kanak-kanak Melayu khususnya dalam memberikan kebolehan membaca, menulis dan mengira sahaja. Bagaimanapun keperluan di atas permintaan bersekolah Inggeis itu berterusan dan dengan adanya kejayaan sebahagian anak-anak Brunei yang belajar di Labuan dan juga dalam menjaga keperluan keluaraga kakitangan perkhidmatan British Malayan Petroleum Company maka sebuah sekolah swasta dibenarkan berfungsi di Kuala Belait untuk anak-anak dan keluarga BMPC itu dalam tahun 1931.

Kedaaan ini juga membuat Kerajaan memikirkan hanya lebih baik membuat penghantaran anak-anak Brunei belajar ke Sekolah Inggeris di Labuan dan pada bilangan yang terhad pada setiap tahun (ini adalah didasarkan kepada kehendak masyarakat Melayu yang belum merasakan kepentingan pendidikan Inggeris itu).

Bagaimanapun hal peri pentingnya dan kesedaran di atas pelajaran itu, Kerajaan telah juga memberikan peluang belajar ke peringkat tinggi di luar negeri selain dari Labuan. Tanah Melayu adalah sasaran penghantaran penuntut-penuntut Brunei misalnya kepada tiga orang kerabat Diraja Brunei, iaitu; Pengiran Muda Omar 'Ali Saifuddin III (Pengiran Muda Tengah), Pengiran Anak Kahar bin Pemancha Pengiran Anak Muhammad Yassin dan Pengiran Anak Muhammad Alam bin Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman. Mereka dihantar ke Maktab Kuala Kangsar, Perak.

Sekalipun selepas itu desakan bagi penubuhan sekolah Inggeris ini disuarakan dan akhirnya mendapat persetujuan, tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana peperangan Dunia Kedua berlaku yang melibatkan Negara-negara di Asia Tenggara, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Pendidikan Dari Tahun 1941 -1945

Sepanjang lebih kurang 31/2 tahun dari Desimber 1941 ke akhir tahun 1945 Tentera Jepun menduduki Brunei Darussalam, pendidikan yang berjalan sebelum itu terbengkalai. Tentera Jepun menggantikan pendidikan sebelum perang dengan pendidikan ala atau Dasar Nipponisasi pada mengutamakan pelajaran bahasa Jepun.

Untuk tujuan ini beberapa orang guru-guru Brunei dipilih mengikut krusus bahasa Jepun ini. Diantaranya ialah Pengiran Mohammad Yusof bin Pengiran Abdul Rahim, dihantar ke Hiroshima. Jamil Umar berkrusus bahasa Jepun di Kuching. Yusof bin Adul, Hashim bin Tahir, Yassin Affindi, Basir bin Taha, Marsal Maun mengikut krusus yang sama di Labuan dan Miri. Sheikh Azahari bin Sheikh Mahmud dihantar ke Jawa bagi mengikut krusus pertanian.

Kekalahan Jepun di tangan Tentera Bersekutu telah juga membawa kegagalan skim pendidikan Jepun ini dan selepas itu Brunei kembali kepada pendidikan awalnya.

Pendidikan Selepas Perang.

Selepas pentadbiran BMA, Pentadbiran Residen bermula pada Julai 1946. Bagaimanapun pelajar-pelajar masih menghadapi serba kekurangan peralatan, pakaian dan makanan. Hal ini diatasi oleh kerajaan dengan memberikan 'skim makanan dan minuman' yang dikendalikan oleh Jabatan Perubatan dan Jabatan Pelajaran.

Mengikut laporan ketika itu jumlah pelajar adalah 7,778 orang dari 24 buah sekolah diseluruh Negeri Brunei. Dari jumlah ini hanya 24% sahaja pelajar perempuan. Ini bermakna masih banyak lagi kanak-kanak yang tidak mahu bersekolah kerana sebab-sebab keluaraga dan masalah umur dan keadaan ekonomi.

Undang-undang 1929 berjaya menambahkan kadar kehadiran persekolahan. Dalam tahun 1952 dari 33 buah sekolah sudah mempunyai 2,268 pelajar. Sekolah Melayu Laila Mencanai telah dibina dalam tahun 1953 khas untuk pelajar di Kampong Air. Tetapi sekolah ini hanya untuk pelajar lelaki sahaja. Maka itu pelajar perempuan dari kawasan ini bersekolah di Sekolah SMJA. Dan dalam tahun 1955 sekolah perempuan (Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah) dibangunkan dekat SMJA bagi pelajar perempuan.

Sebelum pembinaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, penuntut-penuntut telah dihantar belajar ke sekolah Inggeris seperti sebelum perang.

Dasr Pendidikan 1954

Kesan dari Perang Dunia Kedua itu telah membangkitkan semangat kebangsaan kepada Negara-negara jajahan di Nusantara, Ini termasuklah Negara Brunei Darussalam. Brunei memikirkan tentang mengambil kembali kemerdekaannya disamping naungan Inggeris. Dalam hal ini disadari bahawa Brunei juga jauh tertinggal kebelakangan dalam kemajuan pelajaran. Maka

bagi mengambil penuh kemerdekaan itu Brunei mesti mempunyai bidang pentadbiran dari orang Brunei itu sendiri. Bagi menyediakan perkara ini maka Brunei membuat perancangan kemajuan pelajarannya yang lebih stretejik. Maka pada tahun 1954 melalui Rancangan Kemajuan Lima Tahun Brunei Darussalam telah membuat Dasar Pendidikan 1954.

Dasar ini memuatkan beberapa peruntukan pembanguan sekolah dan meningkatkan dan mengemaskinikan sistem pelajaran yang lebih up to date. Diantaranya memberikan pelajaran percuma dan memberikan dermasiswa bagi melanjutkan pelajaran hingga peringkat tinggi dan university. Sekolah-sekolah teknikal dan vokasinol diberi peluang belajar di British Malayan Petroleum Company di Seria. Kelas-kelas membasmu buta huruf juga disediakan dengan membuka kelas malam bagi orang-orang dewasa. Memberikan bantuan kewangan dalam bentuk grants-in-aid kepada sekolah-sekolah misi dan Cina.

Melalui Dasar Pendidikan 1954 ini, bilangan kanak-kanak bersekolah telah bertambah begitu juga tambahan kepada bangunan-bangunan sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab. Sehingga tahun 1959 Brunei sudah mempunyai 52 buah sekolah Melayu dengan jumlah bilangan penuntutnya menjangkau 7,164 orang di mana 4,590 orang penuntut lelaki dan 2,574 penuntut perempuan.

Dalam tahun itu juga 3 buah sekolah menengah Inggeris telah didirikan iaitu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS College), Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Maktab Anthony Abell (AAC). Dengan ini penuntut-penuntut aliran menengah ini telah dapat mengambil peperiksaan sijil-sijil persekolahan seperti Sijil Rendah Pelajaran Sarawak, Sijil Am Pelajaran Cambridge dan lanjutan.

Perlembagaan 1959

Syarat pencapaian untuk mengambil alih kemerdekaan penuh, adalah dengan membuat perlembagaan. Maka Perlembagaan 1959 telah terlaksana pada 29 September 1959. Ini memberikan kuasa kerajaan sendiri di dalam negeri. Maka perancangan yang lebih positif kearah menyediakan banyak tenaga manusia mahir diperkasa.

Dasar Pendidikan 1962

Perubahan dasar pendidikan dipertingkatkan lagi hasil dari Laporan pakar pendidikan Aminuddin Baki dan Paul Chong. Dalam dasar baru ini rancangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Kerajaan dan menggabungkan sekolah-sekolah yang berlainan aliran kepada sistem Sekolah Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu akan dilakukan. Ini lebih tegas bertujuan dengan pemakaian bahasa Melayu itu akan dapat menyatupadukan rakyat dan mengukuhkan taat setia kepada Negara MIB. Bagaimanapun dasar ini gagal pelaksanaannya kerana Pemberontakan 1962.

Walaupun bagaimanapun, pertambahan dan perkembangan persekolahan tetap meningkat. Hanya pelaksanaan Dasar Pendidikan 1962 itu terbengkalai disebabkan selepas pemberontakan itu beberapa buah sekolah Kerajaan dijadikan markas tentera keselamatan dan pertukaran dan pemulangan guru-guru untuk melaksanakan projek ini dibalikkan ke Persekutuan Tanah Melayu. Sebaliknya guru dari England, Australia, Filipin dan India didatangkan ke Brunei.

Dalam keadaan seperti ini sekolah Arab dan sekolah menengah Melayu pertama aliran Melayu didirikan. Bilangan sekolah bertambah kepada 102 buah dengan keramaian penuntut 16,569 orang dan kadar peratus penuntut perempuan memberikan kadar yang seimbang dengan penuntut lelaki.

Penubuhan Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) adalah bertujuan bagi membolehkan aliran Melayu akan dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi dan universiti. Dalam tahun 1971 nama sekolah ini telah ditukar dengan nama barunya Maktab Melayu Paduka Seri Begawan. Pusat Tingkat Enam (PTE) ditubuhkan dan berpusat di Gadong. Pusat ini mempunyai dua aliran iaitu Melayu dan Inggeris. Lanjutan dari ini beberapa buah sekolah menengah pra-u ini ditubuhkan di tiga daerah Negara Brunei Darussalam ini.

Disamping itu sekolah swasta juga turut berkembang dari peringkat rendah kepada peringkat menengah.

Dasar Pendidikan 1972.

Dasar Pendidikan 1972 ini adalah sebagai satu kesinbungan untuk mengemaskinikan Dasar Pendidikan 1962. Tetapi bagaimana dari tujuh matlamat dasar ini matlamat bahasa Melayu mahu dijadikan bahasa pengantar tidak juga dapat dilaksanakan. Masalah yang menggagalkannya adalah dari kekurangan buku-buku teks dalam bahasa Melayu. Maka dengan itu Brunei bergantung kepada United Kingdom, Singapura dan Malaysia. Kesannya sekolah menengah aliran Melayu mengalami kemerosotan. Begitu juga penghantaran ke Malaysia bagi aliran Melayu ini ditutup kerana hubungan politik Brunei Malaysia berlaku. Dan dalam tahun 1984 aliran Melayu telah pupus samasekali apabila Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa diperkenalkan.

Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa 1984-2006 (PKD)

Dalam dasar baru ini pendidikan sekolah rendah dari peringkat pra kepada darjah tiga akan mengikuti pelajaran dalam aliran Melayu. Tetapi selepas itu penuntut akan terus mengikuti aliran Inggeris hingga menengah dan universiti.

Dasar PKD 1984-2006 ini merupakan gagasan kerajaan bagi memenuhi keperluan persaingan antara bangsa dalam hubungan politik, sosial dan ekonomi. Pengambilan kemerdekaan Brunei

1984 akan secara langsung Brunei akan memasuki hal-hal globalisasi seperti perhubungan antarabangsa dan hal-hal professional. Kesemua ini akan memerlukan penggunaan bahasa Inggeris. Tahun kemerdekaan 1984 itu Brunei dengan sendirinya menjadi anggota pertubuhan dunia dari peringkat politik, keselamatan, keserantau, kesihatan, pendidikan dll seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Association of South East Asia Nations (ASEAN), Organisation of the Islamic Conference (OIC), Pertubuhan Negara-Negara Komanwel dan lain-lain. Maka dasar PKD 1984-2006 segera dilaksanakan melalui pendidikan dalam bulan April 1984. Dalam konteks ini pendidikan di Brunei Darussalam menggunakan dua bahasa pengantar Melayu dan Inggeris. Mata pelajaran matematik, sains, sejarah, geografi dan bahasa Inggeris diajar dalam bahasa Inggeris dan, yang lain masih di dalam bahasa Melayu.

Inisiatif pengawasan keciciran penuntut dilakukan di dalam dasar ini dengan mengadakan berbagai program seperti Program Menengah Lanjutan, Program Menengah Bawah Level II, Program 'N' Level dan Program Menengah Vokasional.

Pada maksud pemahaman mengekalkan Konsep dan Falasafah MIB, Sistem Pendidikan Bersepadu, di mana sistem pendidikan diperkuatkan dengan kesepaduan pendidikan rohani dan jasmani iaitu antara ilmu duniawi dan ukhrawi.

Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21)

“Pendidikan Negara hendaklah menyediakan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (forward looking) dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna kepada industry dan lain-lain perkhidmatan dengan tidak mengabaikan nilai-nilai penting” (Titah KDYMM SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGRA BRUNEI DARUSSALAM, PADA 23 Februari, 2003)

Pada melihat perkembangan globalisasi dan khususnya bagi ketahanan politik dan ekonomi adalah sangat-sangat disadari oleh KDYMM Sultan Dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tentang pentingnya perubahan polisi pendidikan sentiasa dinamik dan up to date berlaku dalam mengimbangi situasi globalisasi ketika ini. Maka dengan itu dasar-dasar pendidikan yang lama harus diganti kepada Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21):-

“Kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang relevan dengan tuntutan zaman. Kita tidak mahu tercicir di belakang sambil kebekuan membelunggu kita. Kerana itu Beta amat gembira bilamana Kementerian Pendidikan sedang mengamaskinikan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN21. Langkah ini wajar demi menyedari bahawa arus proses globalisasi tidak akan menunggu sesiapa” (Titah KDYMM SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGRA BRUNEI DARUSSALAM, PADA JULAI, 2008)

Pada umumnya Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) itu melakukan tiga perubahan matlamat pendidikan iaitu; menyusun Struktur Sistem Pendidikan, Kurikulum dan Penilaian, dan

Transformasi Pendidikan Teknik. Ini bermakna perubahan ini adalah kesinambungan dari kesemua dasar-dasar pendidikan yang lama diubahsuai dalam mendangani peredaran zaman atau globalisasi kehidupan manusia, khususnya Negara Brunei Darussalam..

Kesepaduan pendidikan adalah bagi melahirkan sumber tenaga mahir dalam pelbagai bidang. Sumber produk Brunei dari industri minyak tanah adalah diharapkan berkembang bersama teknologi canggih dan sepatutnya diusahakan dan dihasilkan sendiri oleh anak tempatan. Maka itu keperluan pendidikan vokasional terus diperkembangkan. Setakat ini sudah terdapat 10 buah sekolah bertaraf vokasional di Brunei dari bentuk maktab kepada institusi tinggi dan university.⁷⁾

PENDIDIKAN TINGGI 1985 DAN SEKARANG

Mengpakah sering dikatakan (sejarah Brunei meyakinkannya) bahawa Negara Brunei Darussalam sejak kemunculannya dalam tahun 1368 itu sebagai sebuah Negara berdaulat dan merdeka. Tentunya sekalipun juga dalam tahun-tahun seperti 1840an beberapa buah kawasan dan tanah jajahan Brunei Darussalam diganggu gugat dan rampas milik dan tergadai atau digadaikan kepada khususnya orang Inggeris, namun kedaulatan Negara MIB ini tidak sedikitpun hilang kedaulatannya itu. Pegangan kuat Raja-Raja Brunei dengan Konsep dan Falasafah MIB membuat Raja-Raja Brunei itu mengatas dan menagari kemerdekaannya dengan tidak luput sama sekali. Maka itu sifat ketahanan ini, bagi Raja-Raja Brunei adalah umpama, ‘menarik rambut dalam tepong, rambut jangan putus, tepong jangan berserak’. Maka itu Brunei kekal dan ‘bukan tanah jajahan’⁸⁾

Kesedaran dan pengertian ‘merdeka’ lalu diperkemaslengkapkan dengan penubuhan institusi ‘pendidikan tinggi’ iaitu pada menghala dan memenohi kemajuan Negara Merdeka seperti maksud titah ini:-

“Untuk menjayakan rancangan kemajuan ini, kerajaan Beta benar-benar berkehendakkan tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi serta pengalaman yang luas di samping mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada Negeri Brunei Darussalam. Untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan, maka kerajaan Beta akan menyiasat kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi dalam Negeri Brunei dengan mendapat pandanganserta nasihat dari pakar-pakar badan pengajian tertinggi di United Kingdom...” (Titah KDYMM SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGRA BRUNEI DARUSSALAM, PADA 14 Ogos, 1976)

⁷⁾ Lihat Evolusi Dan Transformasi Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014, hal160 dan 161.

⁸⁾ Lihat, Haji Dzulkiflee bin Haji Abd.Latif, ‘Brunei Bukan Tanah Jajahan’,

Hasrat untuk menubuhkan sebuah universiti terlaksana kemudiannya setelah usul awal penubuhan universiti dari pengerusi dilantik kepada YB Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri ditolak dan tertangguh beberapa tahun. Bagaimanapun 'hasrat penubuhan universiti' ini telah ditimbulkan kembali oleh YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan. Hasrat ini langsung diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti titah baginda pada 23 april, 1985. Maka pada 28 Oktober 1985, secara rasminya Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah memulakan programnya dengan seramai 176 orang pelajar pengambilan pertamanya beropedrasi. (Ibid., Evolusi, hal.188).

Dengan penubuhan ini Brunei mendapat hasil dalam melahirkan banyak sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan kemahiran bagi memainkan peranan dalam pembangunan negara. (Ibid)

LATIHAN PERGURUAN

Dalam perkembangan pendidikan formal sejak ianya dimulakan dalam tahun 1914, permasalahan kekurangan guru adalah memerlukan perhatian penuh kepada Kerajaan. Dalam sistem perntadbiran beresedin, Sultan-Sultan Brunei lebih banyak mengambil peranan penting dalam kemajuan persekolahan ini. Apatah lagi selepas Berperlembagaan 1959 dan kesinambungannya selepas mengambil balik kemerdekaan itu. Misal utamanya di zaman Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar 'Ali Saifuddin ianya cukup menyerlah. Pengemaskinian amat rancak dan berjaya di zaman Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika itu dan sekarang.

Dalam tahun 1930 Kerajaan Brunei telah dapat menghantar dua orang anak tempatan untuk megikuti latihan perguruan selama 3 tahun di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Tanah Melayu. Mereka ialah Awang Marsal bin Maun dan Awang Basri bin Taha.

Kekurangan guru terlatih dikalangan sekolah kerajaan sehingga tahun 1941 masih berkurangan berbanding dengan keramaian penuntut sekolah ketika itu. Keadaan ini tidak sama dengan sekolah misi dan Cina.

Nasionalisme bukan dari segi tuntutan kemerdekaan sahaja yang bergema, tetapi tuntutan dan kesedaran peri pentingnya pendidikan kepada kanak-kanak telah juga merevolusikan pemikiran ibu bapa. Ibu bapa sedar akan keuntungan anak-anak berpendidikan formal. Maka dengan itu kerajaan telah menambah banyak pembangunan sekolah bagi menampung keramaian kanak-kanak yang akan menghadiri persekolahan. Dengan ini masalah perguruan terlatih sangat-sangat dikehendaki. Kesannya langkah penyegeraan diusahakan dengan menambah

penghantaran guru-guru ke SITC, Perak. Dan dalam pada itu mulai 1949 krusus guru terlatih telah diadakan di Batu Lintang, Kuching, Sarawak di mana hampir 100 orang guru terlatih dipertolehi sehingga tahun 1956.

Dalam mengatasi kekurangan guru terlatih ini latihan khusus dalam negeri (di tiap-tiap daerah kecuali daerah Temburong) iaitu 'kelas krusus dan latihan mengajar' kepada guru-guru yang tidak terlatih di adakan. Pengkhususan krusus ini adalah kepada subjek-subjek seperti matematik, geografi, sejarah, bahasa Melayu dan teori dan Amali Pengajaran. Kesannya dalam tahun 1955 pembantu guru terlatih ini berjumlah 96 orang termasuk 22 perempuan. (Evolusi, ibid., hal.167).

Dalam tahun 1948 dua orang guru perempuan iaitu Dayang Zaitunah binti Abdul Khan dan Dayang Hindun binti Abdul Latif telah dapat mengikuti krusus perguruan di Maktab Perguruan Perempuan Melaka. Sehingga tahun 1954, empat orang guru terlatih perempuan berjaya dalam krusus ini. Usaha ini diteruskan dengan penghantaran ke Maktab Kent, Tuaran, Sabah dan usaha ini berlangsung dengan adanya Pusat Latihan Perguruan Brunei dalam tahun 1956.

Perkembangan maktab perguruan di Brunei terus meningkat dan berubah dari tahun ke tahun dengan membawa pembaharuan yang sejajar dengan dunia luar merangkumi teknologi moden seperti dalam tahun 1984 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah dinaiktarafkan kepada Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di peringkat ijazah.

1. Latihan Perguruan Agama

Seperti yang difahami pelajaran agama adalah merupakan warisan Negara MIB. Maka pengendalian pembelajarannya tidak begitu merumitkan dan dapat ditangani dengan keadaan beransur-ansur dari peringkat tidak formal kepada formal, pertama dengan ungkayah yang diberikan oleh anak tempat dari peringkat imam, khatib dan guru-guru Al-Quraan. (Ibid., hal.179)

Formalasi berlaku dalam tahun 1956, iaitu setelah penubuhan sekolah agama di Brunei Darussalam. Di samping anak tempatan guru-guru dari Tanah Melayu didatangkan dalam membantu pengajaran agama ini secara formal.

Prosedur latihan perguruan agama tempatan adalah bermula dengan pengambilan guru-guru agama dari mereka yang lulus darjah lima sekolah agama dan menerima latihan formal dan tidak formal bersama dengan Maktab Perguruan Melayu. Hanya pada bulan Julai 1975 Maktab Perguruan Agama Seri Begawan beroperasi. Progress dan kejayaannya dapat melahirkan guru-guru tempatan terlatih dengan baiknya, maka pada tahun 2007 maktab perguruan yang asal ini dinaiktarafkan kepada Kolej UniversitiPerguruan Agama Seri Begawan.

PENDIKDIKAN KHAS

Inklusif (inclusive) dalam perkamusan memberi pengertian sebagai 'merangkumi atau termasuk' atau dalam pengertian lain disebut: '...semua pelajar termasuk pelajar yang berkeperluan khas belajar bersama dengan rakan sebaya dalam persekitaran sekolah aliran perdana (mainstream school). Dalam konteks pendidikan khas, sistem pendidikan inklusif memberikan peluang yang sama rata kepada pelajar berkeperluan khas untuk mendapat akses kepada pendidikan seperti mana rakan-rakan yang lain.' (Salinan dari Buku Panduan Perkhidmatan, Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, tanpa tarikh, dalam tajuk: 'Apa itu Pendidikan Inklusif?')

Atau dalam 'Dalam Dasar Pendidikan Khas' sebagai: "Semua kanak-kanak berkebolehan mengikuti pembelajaran yang sesuai. Persekitaran pembelajaran yang sesuai dapat dibentuk dan diwujudkan di dalam persekolahan inklusif. Sekolah inklusif ialah sekolah yang dapat memberi pengajaran yang sesuai kepada semua kanak-kanak mengikut kebolehan individu." (Garispandu Dasar Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, 1997, hal.7)

Dari Dasar dan fahaman seperti diatas menunjukkan betapa pentingnya Kerajaan Brunei melalui Unit Pendidikan Khas (UPK) Kementerian Pendidikan memberikan tanggung jawab, komitmen dan iltizam yang tinggi kepada sebahagian rakyat yang menghadapi permasalahan yang disebut: 'Pelajar-pelajar yang mengikut program pemulihan ialah mereka mempunyai kelemahan dalam penguasaan kemahiran asas literasi dan numerasi...' (Ibid., hal.10)

Maka itu dalam menyahut Deklarasi Antarabangsa, maka unit ini telah diistiharkan pelaksanaannya pada tahun 1997 sebagai satu Program dan Perkhidmatan Unit Pendidikan Khas seperti berikut:-

Program Pendidikan Khas:

- Program Bantuan Pembelajaran (Pemulihan) yang berdasarkan Remedial Education Plan (REP) bagi Pelajar-Pelajar mempunyai masalah pembelajaran dan memerlukan pemulihan di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan.
- Program Bantuan Khas (Pendidikan Khas) yang berdasarkan Individualised Education Plan (IEP) bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas (Special Needs) di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan.
- Program Pra-Vokasional Menengah bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas di peringkat Sekolah Menengah.

- Program Pendidikan bagi Pelajar Cerdas, Pintar dan Berbakat (Gifted Education Programmes) dan Program Pengayaan (Enrichment Programme) bagi peajar-pelajar yang dikenalpasti berkebolehan tinggi (high ability)

Perkhidmatan Pendidikan Khas:

- Perkhidmatan Psikologi Pendidikan termasuk penilaian psikologi pendidikan, sesi konsultasi sekolah, sesi konsultasi ibu-bapa, special arrangement dan modification bagi Peperiksaan Awam (termasuk O & A-level)
- Perkhidmatan dan terapi bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan & percakapan (language & speech therapy)
- Perkhidmatan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah penglihatan
- Perkhidmatan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pendengaran
- Perkhidmatan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai Dsileksia
- Pedrkhidmatan "Continous Education Support" bagi pelajar-pelajar /pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan jangka panjang di Wad 2 Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

***Siapakah Pelajar Yang Berkeperluan Khas. Ianya didefinisikan:-**

- yang telah didiagnosis dan dikenalpasti mempunyai masalah dalam pembelajaran
 - kekurangan upaya yang boleh menghindarkan/menghadkan mereka dari menggunakan kemudahan pembelajaran yang biasa disediakan di sekolah, atau
- Pelajar yang mempunyai keperluan khas dari segi kognitif/intelektual, penglihatan, pendengaran, pertuturan, tingkah-laku, social, perubatan atau fizikal.

***Siapakah Pelajar Yang Memerlukan Program Pemulihan:-**

- Pejara-pelajar yang mengikuti program pemulihan ialah mereka mempunyai kelemahan dalam penguasaan kemahiran asas literasi dan numnerasi. Pelajar-pelajar ini selalunya dikenalpasti oleh guru kelas dandisahkan oleh pencapaian mereka Ujian Saringan dan Ujian diagnostic.

Apakah Dia Program Bantuan Pembelajaran? (dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah Kerajaan)

- Program bantuan pembelajaran (pemulihan) bagi pelajar-pelajar yang belum dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) Pendekatan pengajaran bagi program ini mengikut objektif yang hendak dicapai dalam Remedial Education Plan (REP)
- Program bantuan khusus (Pendidikan Khas) bagi pelajar-pelajar keperluan khas mengikut kategori dan keperluan masing-masing. Pendekatan pengajaran bagi program ini mengikut objektif yang hendak dicapai dalam Individualized Education Plan (IEP) atau Rancangan Pendidikan Individu.

GURU SENA:

Guru Sena atau Special Needs Assistance Teacher adalah yang kelulusan dalam pendidikan khas di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang dilatih khusus untuk mengenalpasti dan membantu pembelajaran pelajar yang berkeperluan khas.

GURU HOMEROOM;

Guru yang dilatih khusus dan yang ditugaskan untuk menangani pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam Program Pra-Vokasional di Sekolah-Sekolah Menengah.

Konklusi:

Sebagai sebuah Negara MIB dan mengikuti perkembangan sejagat baik dalam unsur politik, ekonomi dan sosial di Rantau ASEAN ini dan sebagai ahli dalam badan dunia PBB, maka sikap dan tanggung jawab bernegara telah diambil kira sepenuhnya. Ala tuju Negara adalah memberikan pendidikan yang formal dalam tujuan mendapatkan guna tenaga mahir yang akan menandai kemajuan Negara.

Kerana kelambatan pendidikan formal di Brunei dan adanya sesudah itu Perang Dunia Kedua meletus di Asia Tenggara, kemudian bantuan dari peristiwa kerana Perlembagaan dan Pementukan Malaysia dan seterusnya berlaku satu pemberontakan bagi mereka yang dipengaruhi oleh fahaman sosialis juga adanya kegiatan komunis'. Kesemua kes ini adalah sebagai satu tanggungjawab melambatkan pengambilan kemerdekaan Brunei sepatutnya harus berlaku pada tahun 1965.

Bagaimanapun atas usaha gigih kedua pemimpin dari Raja Brunei berjiwa **nasionalis (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin)** dan adanya **kekuatan ekonomi** sejak 1927 maka universiti, institusi pengajian tinggi telah dapat menghasil anak-anak tempatan berpendidikan tinggi pada memenohi kehendak kemerdekaan ini.

Dalam usaha dan tuntutan zaman ini keseragaman penyelarasan pendidikan berlaku secara berperingkat dalam urutan politik dan pencerahan ekonomi khususnya bagi perkembangan kemasyarakatan. Missalnya latihan perguruan berlaku pada jarak yang dekat dengan pembukaan pendidikan formal dalam tahun 1914 iaitu dalam tahun 1918 dan khususnya tahun 1930. Kesemua ini berhasil dengan adanya sistem Resedin British dan hubungan politik secara langsung.

Berdasarkan kepada perkembangan penduduk yang tidak drastik maka pemeduliaan ke atas Pendidikan Khas bagi kanak-kanak yang tidak berupaya hanya berlaku secara formal dalam akhir abad ke-20.

Pelaksanaan Deklarasi Antarabangsa ke atas mereka yang kurang bernasib baik bagi memenohi maksud:-

- Convention for the Rights of the Child (CRC),
- The Convention on the Rights of Persons with Disabilities
- Union Nation's World Programme of Action Concerning Disabled Persons (1983)
- The World's Declaration On Education for All (1990)
- The United Nation's Standard Rules On the Equalisation of Opportunities for Person With Disabilities (1993)
- The Framework For Action on Special Needs Education (Salamanca Statement) 1984
- Biwako Plus Five Action Towards an inclusive, Barrier-Free and Rights-based Society in Asia and the Pacific (2003-2012)
- A World Fit for Childern (United Nations Generaly 10th May 2002)
- Resolution of the ASEAN plan of Action On Children (1993)
- Declaration of the Commitments for Childern in ASEAN (2001)
- Declaration On the Enhancement of Welfare and Development of ASEAN women and children (2010)
- Jakarta Declaration-Regional Conference on ASEAN and Disability, 2010
- Bali Declaration on the Enhancement of the Role and Participation of the Persons with Disabilitiesin ASEAN community, 2011,

Terus ditngani dengan sepenuhnya. Ini juga adalah besarnya atas Wawasan 2035 Brunei Darussalam yang lebih menjurus kepada kemajuan dan pencapaian pendidikan.

Berdasarkan kepada perkembangan penduduk yang tidak drastik maka pemedulian ke atas Pendidikan Khas bagi kanak-kanak yang tidak berupaya hanya berlaku secara formal dalam dalam abad ke-20 .

Abdul Hamid bin Mohd.Daud, Haji, Awang, Dato Seri Setia, Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984 Masihi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 2014.

Asbol bin Haji Mail, Awang, Haji, Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950- 1985, Pusat Sejarah Brunei, 2010.Evolusi Dan Transformasi Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014, Brunei Press Sdn.Bhd., 2014.

-----, Pensejarahan Brunei Islam Dan Evolusi Sosial,Pusat Serjarah Brunei, 2017.

Asri bin Hajhi Puteh, Haji, Hukum Kanun, DewanBahasa dan Pustaka, Brunei, 2003.

McArthur, M.S.H., Report On Brunei, Interduced an Annotated by A.V.M Horton, Athen, Ohio, 1987.

Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman, Haji, Dr., Pengiran, Islam Di Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1992.

Hussainmiya, B.A. and Nicholas Tarling, Brunei: Traditions of Monarchic Culture and History, Brunei Press Sdn.Bhd., 2011.

Ranjit Singh, D.S., Brunei 1839-1983, The Problems of Political Survival,Oxford University Press, Singapore, 1984.

Sabihah Osman, Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

Sanib Said, Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang, Universiti Malaysian Sarawak, 2013.

Zaini Haji Ahmad, Haji, Dr., Brunei Merdeka: Sejarah Dan Budaya Politik, De'Imas Printing & Trading Company, Negara Brunei Darussalam, 2003.

Buku Panduan Perkhidmatan, Unit Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Ihsan dari UPK.

Evolusi Dan Transformasi Kecemerlangan 100 Tahun Pendidikan Begara Brunei Darussalam 1914-2014, Brunei Press Sdn.Bhd., 2014.

100 Tahun Pendidikan Formal 1914-2014.Khazanah Titah Pendidikan, Sempena Sambutan 100 Tahun Pendidikan Formal Negasra Brunei Darussalam 28 Zulkaedah 1435/23 September 2014 Masehi-Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2014, Syarikat Percetakan Juta Jaya, Brunei Darussalam, 2014.

Rujukan: